

01 MAR 2000

NUPW-Piket

NUPW TANGGUH PIKET BERIKUTAN KEPUTUSAN K'JAAN KAJI ISU GAJI

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) telah menangguhkan keputusan mereka untuk mengadakan piket secara besar-besaran di seluruh negara pada 9 dan 10 Mac ini berhubung isu gaji bulanan pekerja ladang.

Setiausaha Agongnya, G.Sankaran berkata, piket itu yang sepatutnya diadakan pada tarikh itu berikutan kegagalan rundingan kesatuan dengan Persatuan Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) untuk mendapatkan gaji bulanan bagi lebih 200,000 pekerja ladang di seluruh negara.

Keputusan itu diambil berikutan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mesyuarat Kabinet hari ini, yang meminta Kementerian Sumber Manusia menyiapkan laporan terperinci mengenai gaji bulanan untuk di bantangkan pada mesyuarat Kabinet minggu depan.

Sankaran berkata NUPW menghargai tindakan Perdana Menteri serta usaha-usaha berterusan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn berhubung perkara itu.

"Kami sangat-sangat berharap satu keputusan baik dapat dicapai kerana ini adalah buat kali pertama Kabinet telah mengambil satu langkah konkrit ke arah penyelesaian masalah ini," katanya kepada BERNAMA malam ini.

Beliau berkata NUPW sanggup menunggu sehingga laporan Kementerian Sumber Manusia itu dibentang kepada Kabinet dan kerajaan mengambil satu keputusan berhubung perkara itu.

"Sebarang tindakan selanjut berhubung perkara ini akan hanya diambil setelah kami mengetahui keputusan kerajaan," katanya.

Beliau juga menjelaskan bahawa keputusan awal untuk mengadakan piket itu bukan bertujuan mengugut mana-mana pihak tetapi sebaliknya untuk menunjukkan perasaan kecewa dan rasa tidak puas hati terhadap kegagalan rundingan itu.

NUPW mengadakan mogok selama empat hari pada 1990 yang melibatkan lebih 250,000 pekerja ladang di seluruh negara atas isu tuntutan gaji bulanan dan mogok itu hampir melumpuhkan sektor perladangan ketika itu.

NUPW memperjuangkan isu gaji bulanan itu sejak penubuhan persatuan itu lebih 50 tahun lalu bagi membawa perubahan sosio-ekonomi pada masyarakat pekerja ladang di sektor yang berusia lebih satu abad itu.

-- BERNAMA

RV PR